

Usaha tingkatkan keupayaan bidang ilmu diteruskan – TPM

Oleh **HAMDEN RAMLI**

KUALA LUMPUR 18 Jan. – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan meneruskan usaha meningkatkan keupayaan negara dalam bidang ilmu, teknologi dan inovasi kerana ia merupakan syarat utama bagi menghadapi cabaran pada abad ke-21.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ketiga-tiga aspek tersebut juga merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan penjana kekayaan negara pada masa depan.

“Menyedari kepentingannya, maka Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah mengenal pasti pembangunan modal insan untuk dijadikan sebagai salah satu teras utama dalam membawa transformasi negara kepada ekonomi berasaskan pengetahuan,” katanya ketika melancarkan Ekspo 50 Tahun Pencapaian Malaysia: *Menuju Masa Depan Yang Lebih Cerah* di sini, hari ini.

Najib berkata, Malaysia menghadapi masa depan penuh cabaran yang menghendaki dasar dan strategi negara selari dengan kehendak dan keperluan antarabangsa.

Langkah itu ujar beliau, penting supaya Malaysia sentiasa mampu bersaing pada peringkat global.

Katanya, Malaysia kini menjadi sebuah negara perdagangan terbuka yang terlibat dalam pasaran global yang amat kompetitif, pantas dan dalam persekitaran yang amat berbeza daripada sebelumnya.

Katanya, perkembangan teknologi, maklumat dan komunikasi telah mengubah segala-galanya termasuk membuka ruang kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti dan ilmu.

“50 tahun lepas, negara mempunyai ekonomi berasaskan pertanian dan perlombongan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM12.8 bilion serta pertumbuhan sebanyak satu peratus, manakala pendapatan per kapita adalah sebanyak RM788, dengan 50 peratus penduduknya tergolong sebagai miskin.

“Pada 2006, KDNK negara meningkat

UM- 19/1/2007
kepada RM277.3 bilion dengan pertumbuhan sebanyak 5.8 peratus manakala pendapatan per kapita pula adalah RM19,739. Ini dianggap pertumbuhan paling tinggi yang pernah dicapai oleh sesebuah negara dalam kalangan usia dan saiz yang serupa,” katanya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, pertumbuhan yang konsisten itu membawa kepada taraf hidup yang lebih baik, dan kadar kemiskinan turun kepada 5.7 peratus pada 2004.

“Kejayaan Malaysia itu bukan berlaku dengan sendirinya atau kerana nasib tetapi dicapai hasil wawasan, strategi dan usaha pemimpin-pemimpin dan pemikir negara yang hebat,” katanya.

Beliau menegaskan, Malaysia bertuah kerana dianugerahkan pemimpin sezaman bagi menggerakkan wawasan menjadi realiti.

“Taluhan sejak 50 tahun lepas bukannya (perana) sepanjang perjalanan itu, kita menghadapi pelbagai dugaan seperti konfrontasi, krisis kewangan dan pergaduhan kaum, yang semuanya memberi pengajaran kepada kita,” katanya.

Ekspo 50 Tahun Pencapaian Malaysia: *Menuju Masa Depan Yang Lebih Cerah*, itu yang diadakan sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan negara akan berlangsung dari 4 hingga 6 September ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).